

Dr. Mahathir gariskan cabaran pemimpin dunia di UNGA

PUTRAJAYA 24 Sept. - Tun Dr.

Mahathir Mohamad yang akan mengetuai delegasi Malaysia ke Sesi Ke-74 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) di New York, Amerika Syarikat dijadual menyampaikan kenyataan Malaysia semasa sesi Debat Umum pada 27 September ini.

Menurut Wisma Putra, tema bagi sesi Debat Umum pada tahun ini, *Galvanizing Multilateral Efforts for Poverty Eradication, Quality Education, Climate Action and Inclusion* menumpu kepada kepentingan sistem PBB untuk kekal relevan pada masa kini.

"Tema ini akan turut memberikan penekanan kepada komitmen pemimpin dunia dalam menangani cabaran yang dihadapi dunia sejagat seperti kemiskinan tegar, pendidikan berkualiti, perubahan iklim dan kesamarataan.

"Kenyataan yang bakal disampaikan oleh Perdana Menteri mengetengahkan perkembangan dunia dan menekankan pentingnya diplomasi pelbagai hala di mana negara-negara dunia perlu bekerjasama untuk menangani cabaran-cabaran yang dihadapi bersama," jelasnya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Menurut Wisma Putra lagi, Perdana Menteri dijangka menggariskan komitmen Malaysia untuk terus bekerjasama dengan negara-negara anggota PBB yang lain bagi mencapai matlamat di bawah tema sesi Debat Umum UNGA kini dan pada masa akan datang.

"Perdana Menteri juga akan turut menzahirkan harapan Malaysia terhadap PBB sebagai suatu pertubuhan antara-



MAHATHIR MOHAMAD

bangsa yang berperanan untuk mengekalkan keamanan dan keselamatan dunia sejagat," jelasnya.

Tambahnya, Perdana Menteri juga akan menyampaikan ucapan di *Leaders Dialogue 6: The 2020-2030 Vision* semasa *High-Level Political Forum on Sustainable Development (SDG Summit)* esok.

Beliau akan turut berucap di acara *Environmental Stewardship in Addressing Poverty to Achieve Sustainable Development for All* yang dianjurkan oleh Malaysia bersama-sama Turki, Pakistan dan UN Department of Economic and Social Affairs (UN DESA).

Selain itu, Perdana Menteri juga akan memberi ucapan dalam acara sampingan mengenai "Rohingya Crisis - A Way Forward" di mana Malaysia merupakan penganjur bersama Bangladesh, Turki, Arab Saudi dan Kanada.

Antara program penting lain yang melibatkan penyertaan Perdana Menteri termasuk dia-



SAIFUDDIN ABDULLAH

log dengan ahli-ahli U.S. Council on Foreign Relations dan program Forum Pemimpin Dunia di Universiti Columbia.

Perdana Menteri akan turut ditemu ramah oleh organisasi media antarabangsa seperti Wall Street Journal dan Oxford Business Group. Beliau juga dijangka mengadakan pertemuan dengan usahawan dan pelabur yang berpotensi dari Amerika Syarikat semasa berada di New York.

Menurut Wisma Putra, Menteri Luar, Datuk Saifuddin Abdullah turut mempunyai jadual yang ketat sepanjang mengiringi Perdana Menteri termasuk menghadiri beberapa mesyuarat penting peringkat tertinggi mengenai isu kesihatan, senjata nuklear dan juga Dialog Kerjasama Asia.

Beliau juga akan menyertai sesi sampingan *United Nations General Assembly Special Session 2021 (UNGASS 2021) on Corruption* sebagai ahli panel.